

UM - 16/8/2009

# Barat masih mahu menjajah

**M**INGGUAN: Jika kita lihat dahulu sebelum kemerdekaan, penjajah ada di depan mata dan mereka kuat tetapi sekarang ini kita telah merdeka namun apakah ancaman penjajahan itu masih ada?

**DR. MAHATHIR:** Ya, ancaman itu masih ada jika kita lalai. Segala kesenangan dan apa yang menjadi milik kita akan hilang dan kita akan dijajah semula. Jika tidak secara langsung mungkin secara tidak langsung.

Tetapi adakah agenda dari Barat mahu menjajah negara ini?

**DR. MAHATHIR:** Mereka memang mahu menjajah seluruh dunia dan bukan sahaja Malaysia. Mereka hendak kalau boleh menguasai seluruh dunia dan kalau kita baca sejarah Barat mereka berpendapat bahawa dunia ini adalah milik mereka dan mereka sahalalah yang mempunyai tamadun maka tugas mereka adalah untuk mendidik orang-orang yang bodoh ini dan memberi mereka satu tamadun yang lebih bermakna.

Ini mendapat mereka sejak 1870 lagi dan pendapat itu tidak pernah hilang sehingga kini walaupun negara-negara di dunia ini telah mencapai kemerdekaan. Kemerdekaan ini berlaku kerana mereka terpaksa memberi kemerdekaan. Namun mereka ini masih mahu terus menjajah dan terus berkuasa. Kalau tidak secara langsung sebagai *colonial master* ia berlaku melalui ekonomi atau neokolonialisme.

Cara neokolonialisme seperti yang dikatakan oleh Presiden Sukarno itu memang benar dan mereka ini memang mahu menguasai dunia. Yang paling ketara sekali ialah Amerika Syarikat (AS). Oleh itu mereka tidak senang melihat negara seperti China bangun dan menentang mereka. Jadi mereka sememangnya mahu menguasai dunia dan ini termasuklah Malaysia.

Apakah fahaman demokrasi itu adalah sebahagian alat neokolonialisme ini?

**DR. MAHATHIR:** Itu adalah jelas sekali kerana mereka menggunakan demokrasi sebagai satu alasan untuk melakukan *regime change*. Ini bermaksud menukar kerajaan supaya memihak kepada mereka. Sebaiknya demokrasi itu berjalan melalui pemilihan dan jika yang dipilih itu tidak secekok dengan mereka ia tidak akan diiktiraf.

Ini yang berlaku di Algeria dan Palestin di mana kerajaan yang dipilih tidak diiktiraf. Mereka hanya menganggap demokrasi jika mereka untung jika tidak memihak kepada mereka ia tidak diiktiraf. Maka demokrasi juga merupakan satu alasan. Kenapa mereka menyerang Iraq kerana kerajaan sebelum itu tidak demokratik.

Jika dahulu kita dengar Saddam Hussein bunuh orang pun bukanlah setiap hari namun sekarang ini kita dengar hampir setiap hari berita tentang orang Iraq bunuh orang Iraq sendiri dan mereka kini menjadi semakin lemah.

Bagaimana Tun lihat proses demokrasi sekarang berbanding dengan sebelum ini?

**DR. MAHATHIR:** Setelah sekian lama kita faham kelemahan yang ada pada demokrasi. Oleh itu demokrasi adalah mengenai hak untuk memilih pemimpin. Tetapi ini tidaklah bermakna kita tidak bebas untuk melakukan apa sahaja. Pemikiran liberal bukanlah sebahagian daripada demokrasi, itu hanyalah tambahan sahaja.

Maksud sebenar demokrasi adalah hak untuk memilih pemimpin sahaja dan perkara seperti hak asasi manusia itu hanyalah tambahan sahaja. Pada mulanya kita tidak berapa faham tentang perkara tambahan ini dan kita ada had-had tertentu terutama dalam bercakap perkara tertentu namun jika ia berlebihan sehingga menjadi rusuhan kaum itu adalah salah.

Jika kita mahu bercakap kita tidak boleh sehingga menyakitkan hati orang lain. Maka kebebasan memang ada hadnya tetapi Barat menekankan bahawa kebebasan sebenar adalah kebebasan yang diamalkan mereka. Kita ada kebebasan tetapi ada hadnya, umpamanya dalam berpakaian.

Jika di Barat mereka boleh memakai pakaian yang menunjukkan hampir keseluruhan badannya. Ini bagi mereka kebebasan namun kita tidak boleh

## MUKADIMAH

"PERASAAN itu semakin merosot,". Itulah ucapan yang keluar dari mulut negarawan Tun Dr. Mahathir Mohamad, 84 tahun ketika ditanya apakah perasaan cintakan negara semakin menurun terutama di kalangan generasi muda sekarang.

Dalam wawancara yang berlangsung di pejabatnya di tingkat 86 di Menara Berkembar Petronas, yang dihadiri Wartawan *Mingguan Malaysia* ZIN MAHMUD, AZMAN ANUAR, HAFIZAHIL HAMID dan jurugambar RAHMAN SALLEH beliau menyatakan jika perasaan itu semakin hilang mungkin akan timbul gejala mengkhianati negara secara tidak disedari.

"Dulu sebelum negara ini mencapai kemerdekaan orang hidup susah sehingga terpaksa minum air longkang untuk hidup. Namun keadaan sekarang sangat berbeza dan segalanya telah dipermudahkan.

"Malah sekarang ini ada golongan bijak pandai Melayu dan bukan Melayu yang tidak nampak kenapa perlu terhutang budi kepada negara. Mereka cuma berfikir tentang diri mereka," kata Dr. Mahathir.

Dalam pertemuan hampir sejam itu, beliau turut menyatakan tentang agenda penjajahan baru oleh Barat dan peranan mereka di negara ini serta unsur-unsur pengkhianatan yang berlaku sekarang atas kepentingan diri sendiri.

Berikut adalah sedutan dari wawancara tersebut.

mengikut mereka dalam perkara ini kerana ia tidak secekok dengan undang-undang dan budaya kita dan ini kita tidak boleh benarkan.

Satu cerita yang selalu saya beritahu ialah berkenaan dengan satu kawasan *suburb* di AS dan penduduk di kawasan itu berpegang kepada konservatif dan mereka hidup dengan tenang. Namun datang seorang pengusaha membuka sebuah panggung wayang yang menayangkan filem lucah. Penduduk di situ membantah dan membuat protes dan membawa kes ini ke mahkamah. Namun keputusan mahkamah ialah ini merupakan kebebasan pengusaha tersebut untuk bertindak demikian dan penduduk di kawasan itu tidak boleh menghalang. Jadi inilah tafsiran demokrasi bagi mereka.

Kita punya tafsiran ialah bukan individu yang tamak tetapi masyarakat yang tamak. Kalau kepentingan masyarakat dicabar oleh individu maka kita anggap perkara itu tidak baik. Jadi itulah perbezaan antara nilai Asia dan nilai Barat. Oleh itu bagi kita, kita mengamalkan demokrasi tetapi ada hadnya.

Jadi bagaimana Tun melihat situasi sekarang dengan pemikiran liberal, kebebasan dan hak asasi yang berleluasa sehingga mampu mengancam negara dan perlembagaan terutamanya dari bukan Melayu?

**DR. MAHATHIR:** Perkara ini bukan sahaja melibatkan orang bukan Melayu tetapi termasuklah dari orang Melayu sendiri seperti Anwar Ibrahim. Ini masalahnya di mana orang mahukan liberal tetapi tidak faham batasan tentang demokrasi. Walaupun kita bebas tetapi ada had-had tertentu. Jika kita terlalu bebas tanpa had maka akan berlaku huru-hara.

Ada kelompok manusia di Barat yang mahu bebas berjalan dengan hanya berbogel yang dipanggil *streaking* dan kita tidak boleh menerima budaya sebegini namun bagi mereka ini tidak mengapa. Umpamanya seperti perkara berkaitan dengan moral, bagi mereka lelaki boleh ada hubungan antara lelaki malah boleh berkahwin dan bercerai pun. Bagi kita ia merupakan perkara yang tidak boleh diterima namun bagi mereka ia merupakan satu kebebasan.

Kita tidak menganggap ia sebagai sesuatu yang salah kerana ia bertentangan dengan budaya kita. Namun bagi mereka ia adalah hak mereka untuk melakukan perkara seperti meliwat. Ia adalah perkara *between consenting adult*. Jadi bila kita tangkap seseorang yang melakukan liwat tetapi malangnya dia tidak faham kenapa dia ditangkap. Kenapa perlu ditangkap kerana ia satu perkara biasa yang dilihat sama dengan perhubungan biasa antara lelaki dan wanita.

Oleh itu bagi dia kita melakukan perkara yang tidak secekok dengan kebebasan jadi dia melihat apa salahnya dengan melakukan liwat kerana ia adalah satu perkara biasa. Namun bagi kita ia merupakan satu perbuatan yang tidak boleh diterima dan satu jenayah. Oleh itu kita adalah berbeza dimana kita ada batasan dan nilai yang berbeza namun tetap mengamalkan demokrasi.

Media Barat secara umumnya memberikan sokongan kepada pihak

pembangkang terutamanya kepada DAP dan PKR. Bagi Tun kenapa perkara ini berlaku?

**DR. MAHATHIR:** Ini kerana mereka berpendapat mereka tahu semua maka siapa pun yang memerintah akan dikritik melainkan pemerintah tersebut tunduk kepada mereka. Jadi mereka mahu dunia tunduk kepada mereka dan bagi mereka yang mengikut akan dipuji dan diterima. Namun jika pemimpin tersebut menentang walaupun perkara yang dilakukan adalah baik, mereka akan tetap kata ia tidak baik. Jika kita bandingkan Malaysia dengan negara membangun yang lain sememangnya Malaysia adalah lebih baik dan maju namun mereka tidak pernah puji tentang perkara itu.

Mereka hanya nampak dan bercakap tentang tidak ada kebebasan, mengamalkan kronisme dan sebagainya. Mereka hanya nampak perkara yang buruk sahaja tetapi pada masa yang sama mereka juga melakukan perkara yang buruk juga.

Jika kita lihat di Britain ahli Parlimen kecoh kerana mereka pun berperangai buruk juga, ambil duit kerajaan pergi beli lampu chandelier mewah dan sebagainya. Tapi beza antara mereka dengan kita ialah mereka sanggup kritik kita tetapi kita tidak mengkritik mereka. Kita ada budaya yang tidak suka memburukkan orang lain. Dahulu semasa saya berada di New York saya pernah minta seorang jurugambar RTM ambil gambar di kawasan Harlem dimana terdapat orang yang tidur di tepi jalan malah ada yang melakukan hubungan seks di tepi jalan atau di tepi jambatan. Mereka membuat perkara ini tidak kira siang atau malam.

Maka semua orang yang lalu boleh melihat perkara ini namun mereka anggap

**Kita hanya nampak keburukan negara dan jarang nampak kebaikan walaupun kita kena akur keburukan itu memang ada namun kita kena menimbang antara dua perkara itu.**

- Dr. Mahathir

biasa sahaja. Masalah sosial seperti ini adalah biasa dan bagi orang miskin pula kita pun tidak lalu hendak dekat kerana busuk.

Tapi kita tidak mahu tunjuk perkara sebegini, yang mahu kita tunjukkan ialah bangunan pencakar langit mereka dan benda-benda yang elok sahaja. Tapi mereka tidak mahu tunjuk perkara yang elok di sini, hanya yang buruk saja. Itu pun salah kita juga.

Pada pandangan Tun apakah PKR dan DAP ini ada hubungan dengan Barat dan jika benar adakah ia mampu mengancam negara?

**DR. MAHATHIR:** Saya memang tahu Anwar ada hubungan yang rapat dengan Barat. Bagi saya kawan-kawan beliau ini tidak boleh diterima seperti Paul Wolfowitz dan beberapa lagi yang boleh kita anggap sebagai golongan neokonservatif. Dan masalah ini masih berlaku walaupun AS kini dipimpin oleh Presiden Barack Obama. Namun Obama kena jaga populariti beliau. Sebenarnya ramai juga orang yang sokong neokonservatif ini seperti yang dilakukan oleh mantan Presiden George W. Bush.

Obama bernasib baik kerana presiden sebelumnya terlalu buruk sehingga orang ramai tidak boleh menerima beliau dan memilih orang dari parti lain untuk perubahan. Dan Obama telah menjanjikan perubahan ini. Namun walaupun Obama menjanjikan perubahan tapi ada perkara yang beliau boleh ubah dan ada yang tidak. Umpamanya hubungan dengan Israel beliau tidak boleh ubah.

Bagaimana dengan pandangan bahawa Anwar dan PKR ini mempunyai unsur-unsur pengkhianatan kepada negara?

**DR. MAHATHIR:** Ini terpulang kepada kita untuk mentafsir sama ada mereka ini pengkhianat atau tidak namun hakikatnya Anwar hanya mengutamakan dirinya. Kalau dia terpaksa memburukkan bangsanya sendiri alaskan dia untung, dia akan lakukannya. Ini kerana Anwar mempunyai karakter yang sebegini.

Jika dilihat ketika dia masuk UMNO dulu pun tujuannya jika dia masuk Pas dia tidak boleh menjadi perdana menteri tetapi melalui UMNO dia boleh. Masuk sahaja dia hendak jadi ketua. Bila bagi peluang dia hendak jadi Ketua Pemuda kemudian Naib Presiden kemudian Timbalan Presiden. Jadi dia anggap UMNO ini adalah alat bagi beliau untuk menjadi perdana menteri sahaja.

Bukan kerana cintakan bangsa dan negara tetapi kerana cintakan Anwar. Dia bukan memperjuangkan demokrasi dan

fahaman lain yang digunakan AS untuk orang ramai tetapi untuk dirinya sendiri. Tapi masa beliau dalam UMNO dulu beliau berapa hendak perjuangkan sangat perkara ini tetapi kini beliau menggunakan strategi ini untuk memperjuangkan dirinya. Malah Pas kini pun sudah diperalatkan oleh Anwar.

Orang tahu beliau terlibat dalam kegiatan yang tidak bermoral tetapi kerana hendak tawan hati Pas dan mereka yang berpegang kuat kepada agama maka dia pun menunjukkan dirinya sebagai orang yang boleh jadi imam dan baca khutbah. Tetapi apabila berhadapan dengan pihak lain seperti mereka yang liberal Anwar akan menukar karakternya. Jika berhadapan dengan orang India maka dia akan memenuhi tuntutan kaum India pula.

Semua ini dilakukannya asalkan beliau mendapat undi. Satu perkara tentang Anwar ialah beliau akan cuba mengheret mereka yang tidak memihak kepadanya ke mahkamah dengan tuntutan saman. Saya sendiri menjadi mangsa dan disaman RM100 juta kerana saya kata dia terlibat, mengikut keputusan mahkamah tidak kata dia tidak terlibat. Tetapi mahkamah kata hari ini beliau tidak terlibat namun pada hari lain Anwar terlibat. Beliau hanya mengulang apa yang dikatakan mahkamah dan kemudian serta merta menyaman saya dan kemudian kes menjadi *subjudice*. Dan saya tidak dibenarkan bercakap tentang itu dan itulah caranya.

Sekarang ini beliau takut ke mahkamah dan Anwar cari pelbagai alasan dengan mengatakan orang itu tidak betul dan orang ini bias dan sebagainya. Beliau akan cari jalan supaya perbicaraan ini tidak dijalankan. Namun ada perkara yang beliau tidak berani buat iaitu bersumpah dalam masjid dengan menjunjung al-Quran. Beliau kata ada bersumpah tetapi itu karut, bukan dengan mengangkat tangan dan menyebut dia tidak melakukannya kerana sebagai orang Islam ada cara yang perlu diikuti. Kenapa Anwar perlu takut. Saiful berani melakukannya tetapi Anwar tidak berani buat.

Bagaimana dengan pandangan ramai golongan muda Melayu sekarang menyokong PKR dan DAP kerana mereka ini kurang perasaan cintakan bangsa dan negara?

**DR. MAHATHIR:** Itu satu hal namun ada juga orang Melayu, cerdik pandai dan yang muda yang kecewa dengan kerajaan sendiri. Saya biasa berjumpa dengan mereka ini dan mereka menyatakan adalah sakit untuk mengundi parti Pas, tetapi apa boleh buat. Bukan kerana mereka sayang pada Pas atau PKR tetapi mereka kecewa dengan UMNO. Maka orang benci dengan perkara ini oleh itu orang ramai mahu menghantar mesej bahawa selagi masalah ini tidak diperbaiki mereka menolak UMNO.

Bukanlah mereka ini mahu menyokong Pas, PKR atau tidak sayang kepada bangsa dan negara. Adalah dua tiga orang yang beranggapan begitu namun saya jumpa mereka ini dan ada yang datang berjumpa dengan saya. Ini alasan mereka menolak UMNO. Selagi UMNO tidak membersihkan diri, mereka ini tidak akan kembali.

Bagaimana Tun melihat senario politik sekarang antara Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Rakyat. Apakah BN sudah bangkit atau masih mencari jalan?

**DR. MAHATHIR:** Jika kita melihat kepada kekalahan tipis di Manik Urai nampak seperti kita boleh bangkit tetapi jangan yakin sangat. Dilema kita sekarang ini ialah kebanyakan calon lawan pun tidak baik dan calon BN pun begitu. Rakan-rakan dalam komponen pun berhadapan dengan masalah. MCA ada masalah begitu juga dengan MIC dan Gerakan serta UMNO.

Dan ekoran itu BN tidak boleh mendirikan kerajaan yang kuat. Masalah sama juga dihadapi dalam Pakatan Rakyat juga, mereka bukannya boleh berdiri dalam satu suara dan mempunyai pendirian yang berbeza antara sesama parti.

Mereka juga tidak boleh mendirikan kerajaan yang kukuh. Ini juga berlaku di negara-negara membangun yang lain. Sebelum ini politik kita stabil dan tidak ada masalah kestabilan politik. Malah jika kita lihat Indonesia kini lebih baik dari segi ekonominya berbanding kita.

